

TERMA DAN SYARAT

Penganjur

Petron Pasti OK Sweep 2026 ("Kempen") dianjurkan oleh Petron Fuel International Sdn. Bhd. (No. Syarikat 196101000489 (4527-V)) ("Petron" atau "Penganjur").

Tempoh Kempen

Kempen ini akan berlangsung dari **7 Ogos 2026 sehingga 30 September 2026**, kedua-dua tarikh tersebut termasuk ("Tempoh Kempen"). Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen akan ditolak dan dianggap tidak sah.

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang bermastautin di Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas ("Peserta"), tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.
2. Kempen ini terdiri daripada dua (2) kategori hadiah:
 - a. **RM40 Mart Sweep**, yang terbuka kepada semua pelanggan yang layak yang memenuhi keperluan penyertaan Kempen.
 - b. **Cabutan Bertuah Hadiah Utama** yang terbuka secara eksklusif kepada Peserta yang layak, merupakan ahli Petron Miles yang telah berdaftar sepenuhnya, serta memenuhi semua syarat kelayakan bagi Hadiah Utama.
3. Individu berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
 - a. Pekerja tetap dan pekerja kontrak Penganjur dan/atau syarikat-syarikat gabungannya;
 - b. Pengusaha stesen minyak Petron;
 - c. Pekerja atau wakil agensi pengiklanan, pemasaran dan promosi yang dilantik oleh Penganjur dan/atau syarikat-syarikat gabungannya (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "Peserta Tidak Layak"); dan
 - d. Ahli keluarga terdekat (ibu bapa, pasangan dan anak-anak) Peserta Tidak Layak.
4. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, syarikat gabungan merujuk kepada mana-mana perbadanan atau entiti yang secara langsung atau tidak langsung mengawal, dikawal oleh, atau berada di bawah kawalan bersama dengan Penganjur.

Kriteria Penyertaan – RM40 Mart Sweep

5. Untuk menyertai RM40 Mart Sweep, Peserta hendaklah:

- a. Membuat pembelian minimum dua puluh lima (25) liter Petrol dalam satu (1) transaksi di mana-mana stesen minyak Petron yang mengambil bahagian sepanjang Tempoh Kempen;
 - b. Menulis nama penuh dan nombor telefon untuk dihubungi dengan jelas pada resit pembelian asal; dan
 - c. Memasukkan resit pembelian asal tersebut ke dalam kotak penyertaan Kempen yang telah disediakan di stesen minyak Petron yang mengambil bahagian.
6. Setiap resit yang memenuhi syarat penyertaan akan melayakkan Peserta mendapat satu (1) penyertaan RM40 Mart Sweep.
7. Tiada had bilangan penyertaan yang boleh dihantar oleh Peserta sepanjang Tempoh Kempen, dengan syarat setiap penyertaan disokong oleh transaksi berasingan yang memenuhi syarat kelayakan.
8. Resit yang tidak jelas, rosak, diubah suai, digandakan, tidak lengkap atau telah dikemukakan sebelum ini akan dibatalkan dan tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

Kelayakan Cabutan Bertuah Hadiah Utama

9. Untuk melayakkan diri menyertai Cabutan Bertuah Hadiah Utama, Peserta hendaklah:
 - a. Melengkapkan pembelian yang memenuhi syarat kelayakan dengan jumlah minimum **dua puluh lima (25) liter Petrol** dalam satu (1) transaksi sepanjang Tempoh Kempen; dan
 - b. Menjadi ahli Petron Miles yang berdaftar sepenuhnya.
10. Peserta yang layak dan memenuhi Klausula 9 akan secara automatik diberikan satu (1) penyertaan ke dalam Cabutan Bertuah Hadiah Utama bagi setiap transaksi yang memenuhi syarat kelayakan. Tiada pendaftaran berasingan atau penghantaran resit diperlukan untuk penyertaan Cabutan Bertuah Hadiah Utama.
11. Penyertaan automatik ke dalam Cabutan Bertuah Hadiah Utama akan direkodkan seperti berikut:
 - a. Ahli Petron Miles berdaftar yang menggunakan Kad Pengenalan Malaysia (MyKad) mereka semasa transaksi yang layak akan automatik menerima satu (1) penyertaan ke dalam Cabutan Bertuah Hadiah Utama.
 - b. Ahli Petron Miles berdaftar yang tidak menggunakan Kad Pengenalan Malaysia (MyKad) mereka semasa transaksi yang layak hendaklah mengimbas Kad Petron Miles yang berdaftar atau menunjukkan kod QR yang dipaparkan pada Aplikasi Mudah Alih Petron untuk diimbas oleh juruwang pada masa pembelian

bagi memastikan transaksi yang layak mereka direkodkan dan dimasukkan secara automatik ke dalam Cabutan Bertuah Hadiah Utama.

12. Tiada had bilangan penyertaan Cabutan Bertuah Hadiah Utama yang boleh dikumpul oleh seseorang Peserta sepanjang Tempoh Kempen, dengan syarat setiap penyertaan tersebut disokong oleh transaksi berasingan yang memenuhi syarat kelayakan.
13. Kemenangan hadiah RM40 Mart Sweep tidak melayakkan Peserta terkeluar daripada Cabutan Bertuah Hadiah Utama. Peserta yang memenangi hadiah RM40 Mart Sweep kekal layak untuk Cabutan Bertuah Hadiah Utama, dengan syarat mereka terus memenuhi syarat kelayakan Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen. Setiap transaksi layak berikutnya yang memenuhi Klausula 9 akan secara automatik memperoleh penyertaan tambahan ke dalam Cabutan Bertuah Hadiah Utama.

Penyertaan Am

14. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta sebarang pindaan yang dibuat oleh Penganjur dari semasa ke semasa.
15. Penganjur berhak untuk mengesahkan kesahihan semua penyertaan dan membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang penyertaannya didapati tidak lengkap, palsu, diduplikasi, diubah, diusik atau tidak mengikut Terma dan Syarat ini.

Pemilihan Pemenang

16. Sebanyak empat ribu lapan ratus (4,800) pemenang RM40 Mart Sweep akan dipilih sepanjang Tempoh Kempen, merangkumi dua (2) pemenang bagi setiap stesen minyak yang mengambil bahagian untuk setiap satu daripada tiga (3) pusingan cabutan yang dijadualkan, tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.
17. Pemenang RM40 Mart Sweep akan dipilih oleh stesen minyak Petron yang mengambil bahagian melalui cabutan rawak daripada semua penyertaan sah yang diterima sebelum tarikh pemilihan pemenang masing-masing.
18. Pemenang RM40 Mart Sweep yang dipilih akan dihubungi oleh stesen minyak yang mengambil bahagian menggunakan nombor telefon yang ditulis pada resit yang layak.
19. Jika pemenang terpilih tidak dapat dihubungi selepas cubaan yang munasabah atau gagal membalas dalam masa yang ditetapkan oleh stesen minyak yang mengambil bahagian, Penganjur dan/atau stesen minyak yang mengambil bahagian berhak membatalkan kelayakan pemenang terpilih tersebut dan menjalankan cabutan rawak lain untuk memilih pemenang pengganti.

RM40 Mart Sweep

20. Setiap pemenang terpilih berhak menyertai satu (1) RM40 Mart Sweep yang akan dijalankan di stesen minyak Petron yang mengambil bahagian.
21. Pemenang yang menyertai RM40 Mart Sweep mesti mematuhi peraturan berikut:
- Setiap pemenang diperuntukkan empat puluh (40) saat untuk melengkapkan Mart Sweep.
 - Pemenang hanya dibenarkan menggunakan satu (1) bakul membeli-belah sepanjang Mart Sweep.
 - Hanya satu (1) pemenang boleh menyertai pada satu masa.
 - Pengusaha stesen atau kakitangan stesen akan menguruskan dan mengambil masa Mart Sweep.
 - Peserta mesti mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh Penganjur, stesen minyak yang mengambil bahagian dan wakilnya semasa Mart Sweep.
22. Item berikut dikecualikan daripada RM40 Mart Sweep:
- Setiap Produk tembakau;
 - Perkhidmatan E-Pay; dan
 - Minyak Pelincir (Lubricants).
23. Sekiranya jumlah nilai item yang dipilih melebihi RM40, pemenang mesti sama ada:
- Membayar perbezaan harga; atau
 - Mengeluarkan item untuk memastikan jumlah nilai pembelian tidak melebihi RM40.
24. Sekiranya jumlah nilai pembelian kurang daripada RM40, baki selebihnya akan dilupuskan dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau pembelian masa depan.
25. Pemenang yang gagal menghadiri sesi Mart Sweep berjadual akan dianggap telah melepaskan hadiah mereka dan tidak berhak mendapat sebarang sesi penggantian, pampasan atau hadiah alternatif:
26. Peserta mengakui bahawa Mart Sweep melibatkan pergerakan fizikal di dalam mart stesen minyak. Peserta harus sentiasa berhati-hati. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada penyertaan dalam Mart Sweep kecuali liabiliti tersebut tidak boleh dikecualikan oleh undang-undang.

Cabutan Bertuah Hadiah Utama

27. Selepas Tempoh Kempen tamat, Penganjur akan menjalankan Cabutan Bertuah Hadiah Utama daripada semua penyertaan automatik sah yang diterima daripada ahli Petron Miles yang layak mengikut Klausula 9.
28. Pemenang Hadiah Utama akan dipilih melalui cabutan rawak yang dikendalikan oleh Penganjur. Keputusan Penganjur dalam pemilihan pemenang adalah muktamad, konklusif dan mengikat, dan sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.

Hadiah Kempen

29. Hadiah yang terdapat di bawah Kempen ini adalah seperti berikut:

(a) RM40 Mart Sweep

Jumlah 4,800 pemenang sepanjang Tempoh Kempen.

Setiap pemenang berhak menyertai **satu (1) RM40 Mart Sweep** (atau, bagi stesen yang mengambil bahagian tanpa Petron Mart, menerima hamper bernilai setara, seperti yang ditentukan oleh stesen yang mengambil bahagian).

(b) Cabutan Bertuah Hadiah Utama

Semenanjung Malaysia

- Lima belas (15) pemenang akan masing-masing menerima **Baucar Belanja bernilai RM1,000**.

Malaysia Timur

- Tiga (3) pemenang akan masing-masing menerima **Mata Petron Miles bernilai RM1,000**.

Terma dan Syarat Lain

30. Nama pemenang yang terpilih boleh diterbitkan di platform media sosial rasmi Petron, termasuk Facebook dan Instagram, dan/atau mana-mana saluran komunikasi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Penganjur.
31. Sekiranya mana-mana penyertaan Kempen atau hadiah diberikan kepada seseorang yang:
- a. tidak layak menyertai Kempen ini; dan/atau
 - b. telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan atau salah laku berkaitan dengan penggunaan Kad Keistimewaan Petron Miles.

32. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan individu tersebut daripada menyertai Kempen ini dan/atau daripada menerima hadiah tersebut.
33. Semua Pemenang yang direkodkan oleh Penganjur adalah muktamad dan konklusif.
34. Semua pemenang akan dimaklumkan melalui telefon menggunakan nombor telefon yang tersedia dalam pangkalan data Petron Miles atau nombor telefon lain yang telah diberikan kepada Penganjur.
35. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh serta menukar tempat/lokasi penebusan hadiah yang telah ditetapkan kepada tarikh kemudian atau tempat/lokasi lain sekiranya berlaku sebarang keadaan tidak dijangka.
36. Semua kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang telah atau akan ditanggung oleh pemenang berkaitan dengan Kempen ini dan/atau tuntutan mana-mana hadiah, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, penginapan, makanan, perbelanjaan peribadi dan apa-apa kos berkaitan lain, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
37. Semua mata Kempen akan dikreditkan ke dalam akaun pemenang masing-masing dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat Tempoh Kempen.
38. Sekiranya atas apa-apa sebab Kempen ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang, termasuk tetapi tidak terhad kepada kejadian seperti virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa kebenaran, penipuan, kegagalan teknikal atau apa-apa sebab lain di luar kawalan Penganjur, Penganjur berhak, atas budi bicara mutlak, untuk membatalkan, menamatkan, meminda atau menggantung Kempen ini.
39. Penganjur boleh atas budi bicara mutlak menyingkirkan dan/atau membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki terlibat dalam penipuan, penggodaman, gangguan terhadap proses penyertaan Kempen atau sebarang tindakan lain yang melanggar Terma dan Syarat ini.
40. Penganjur berhak untuk membatalkan, memendekkan, melanjutkan, menggantung, menarik balik atau menamatkan Tempoh Kempen pada bila-bila masa sebelum tamat Tempoh Kempen tanpa sebarang notis terdahulu.
41. Penganjur juga berhak untuk meminda, mengubah, memadam atau membuat sebarang perubahan terhadap mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak tanpa notis terdahulu. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pembatalan, lanjutan, penggantung atau penamatan

Tempoh Kempen sebelum tamat Tempoh Kempen tidak akan memberikan hak kepada Peserta untuk menuntut sebarang pampasan daripada Penganjur bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung akibat daripada pembatalan, lanjutan, penggantungan atau penamatan tersebut.

42. Penganjur berhak menggunakan nama, alamat, gambar dan testimoni Peserta dalam iklan serta bentuk publisiti lain berkaitan dengan Kempen ini. Penyertaan Peserta dalam Kempen ini serta persetujuan untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap sebagai persetujuan tersirat Peserta terhadap penggunaan tersebut tanpa sebarang notis lanjut, bayaran atau balasan dalam apa jua bentuk.
43. Dengan menyertai Kempen ini dan menerima hadiah, semua pemenang bersetuju bahawa Penganjur berhak untuk mengambil gambar, membuat rakaman suara atau memaparkan pemenang dalam apa jua bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Penganjur atas budi bicara mutlakanya, serta mempamerkan bahan tersebut bagi tujuan pengiklanan, pemasaran dan publisiti berkaitan Kempen tanpa sebarang pampasan, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Peserta dan pemenang Kempen ini dengan ini dianggap telah memberikan persetujuan kepada Penganjur untuk menggunakan nama, suara, gambar, rakaman video atau kandungan penyertaan mereka semata-mata bagi tujuan tersebut.
44. Penganjur berhak menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama atau lebih tinggi sekiranya dianggap perlu.
45. Peserta bersetuju untuk melepaskan dan mengecualikan Penganjur, pengarah, pegawai, pekerja dan ejen-ejenjnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat induk, anak syarikat, syarikat gabungan, pekerja, agensi dan cawangannya, serta semua rakan kongsi/penaja Kempen dan pihak lain yang terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan Kempen ini daripada sebarang dan semua liabiliti berkaitan sebarang kecederaan, kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk (sama ada secara langsung, tidak langsung atau berbangkit) yang timbul daripada Kempen ini serta pemberian, penggunaan, penyalahgunaan atau pemilikan mana-mana hadiah yang diberikan, termasuk liabiliti berkaitan kecederaan diri, kematian atau kerosakan harta benda, kecuali setakat yang dilarang atau dihadkan oleh undang-undang. Semua pemenang mengakui bahawa setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, hadiah diberikan oleh Penganjur atas dasar "seadanya" tanpa sebarang waranti nyata atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada waranti tersirat berkaitan kualiti yang memuaskan dan tiada pelanggaran hak.
46. Peserta hendaklah menanggung sepenuhnya segala liabiliti dan tanggungjawab bagi sebarang liabiliti, kejadian tidak dijangka, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan oleh penyertaan mereka dalam

Kempen ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah Kempen, serta bersetuju untuk melepaskan Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan berkaitan kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa, kerugian ekonomi atau kerugian lain.

47. Peserta hendaklah menanggung rugi dan memastikan Penganjur, pengarah, pegawai, pekerja, ejen dan penerima serah haknya tidak menanggung sebarang kerugian terhadap semua kerugian, liabiliti, kos, tuntutan, caj, perbelanjaan, tindakan atau permintaan (termasuk kos guaman), sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang timbul daripada pelanggaran Terma dan Syarat ini oleh Peserta.
48. Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur atau mana-mana pengarah, pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen Penganjur (termasuk mana-mana agensi pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi, atau kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang dialami oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, walau apa pun puncanya sama ada melalui kontrak, tort, kecuai atau sebaliknya berkaitan dengan Kempen ini, walaupun Penganjur telah dimaklumkan mengenai kemungkinan berlakunya kerosakan tersebut terlebih dahulu.
49. Penganjur ingin mengingatkan semua Peserta supaya mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah apabila menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi mereka sepanjang dan/atau selepas Kempen ini. Peserta juga dinasihatkan untuk menghubungi Penganjur bagi tujuan pengesahan berkaitan Kempen ini.
50. Kempen ini dan Terma dan Syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan semua pertikaian adalah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi Terma dan Syarat ini, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.
51. Sekiranya atas apa-apa sebab mana-mana bahagian Kempen ini tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang, Penganjur boleh, atas budi bicara mutlak, membatalkan, menamatkan, meminda atau menggantung Kempen ini, atau membatalkan mana-mana penyertaan yang terjejas tanpa sebarang liabiliti lanjut atau kewajipan untuk meneruskan Kempen.
52. Ketidaksahan atau ketidakbolehuatkuasaan mana-mana bahagian Terma dan Syarat ini atas apa jua sebab tidak akan menjejaskan kesahan atau kebolehuatkuasaan bahagian lain, dan setiap bahagian hendaklah dianggap berasingan serta boleh

dipisahkan daripada bahagian lain dalam Terma dan Syarat ini.

53. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini atau hadiah yang diberikan melalui Kempen ini.
54. Penganjur merupakan pihak berkuasa muktamad dalam menentukan tafsiran Terma dan Syarat ini serta apa-apa perkara lain berkaitan dengan Kempen ini.
55. Semua Terma dan Syarat Petron Miles yang lain seperti yang dinyatakan di laman web www.petronmiles.com.my atau sebaliknya, turut terpakai dan mengikat semua Peserta serta penyertaan mereka dalam Kempen ini.
56. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan Petron Miles di 1-300-888-812, Isnin hingga Ahad, dari jam 9:00 pagi hingga 5:00 petang.

Notis Privasi

57. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberikan persetujuan dan memberi kuasa kepada Penganjur untuk mengumpul, menggunakan, memproses dan mendedahkan data peribadi mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor pengenalan, maklumat hubungan, gambar dan apa-apa maklumat lain yang diberikan oleh Peserta ("Data Peribadi"), bagi tujuan berkaitan pentadbiran dan pengendalian Kempen ini, termasuk pemilihan pemenang, pemenuhan hadiah, publisiti, pengiklanan dan aktiviti promosi.
58. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta turut memberikan persetujuan dan memberi kuasa kepada Penganjur untuk menggunakan perkhidmatan pihak ketiga (jika berkenaan), termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana institusi kewangan MyDebit, untuk memproses Data Peribadi Peserta. Semua pihak ketiga tersebut terikat secara kontrak untuk tidak menggunakan Data Peribadi Peserta bagi apa-apa tujuan lain selain daripada yang dinyatakan di sini.
59. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik persetujuan terhadap penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur melalui maklumat hubungan yang dinyatakan di bawah serta memberikan nama dan alamat e-mel Peserta bagi tujuan pemadaman Data Peribadi tersebut;
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang disimpan oleh Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.

60. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi Peserta dilindungi dan akan memastikan pemproses pihak ketiga (jika ada) turut mengambil langkah yang sama. Walau bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta sekiranya dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, saman atau perintah mahkamah.
61. Sebarang perkara berkaitan Data Peribadi berhubung dengan Kempen ini hendaklah ditadbir dan dikendalikan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 serta mana-mana undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa di Malaysia.

[TAMAT]